

# Kes penyakit berjangkit menurun

## Amalan penjarakan sosial ketika PKP beri kesan positif

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penjarakan sosial diamalkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha memutuskan rantaian penularan COVID-19, secara tidak langsung memberi perkembangan positif terhadap beberapa penyakit berjangkit di negara ini.

Berdasarkan statistik dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), kes penyakit berjangkit menurun berikutan amalan penjarakan sosial seperti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)

turun 44.6 peratus, manakala campak, 58.3 peratus dan cacar air, 44.4 peratus.

Kes denggi juga dilaporkan menurun kepada 11.7 peratus bagi lima bulan pertama 2020.

Bagaimanapun, demam denggi dijangka meningkat mulai akhir bulan ini hingga September.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hayati Kadir, berkata ada beberapa faktor menyebabkan penurunan kes penyakit berjangkit sepanjang PKP dilaksanakan.

Katanya, paling ketara kerana kanak-kanak tidak ke TASKA, maka tidak ada perhubungan sosial antara mereka.

"Faktor lain mungkin ibu bapa mengamalkan kebersihan diri yang tinggi serta memastikan kebersihan diri anak sebelum makan dan selepas ke tandas, kerap membasuh tangan, menutup mu-

lut apabila bersin dan batuk, duduk di rumah serta tidak terdedah dengan persekitaran luar.

"Ini perkembangan yang positif kerana orang awam mula sedar kepentingan menjaga kebersihan diri dan sekeliling mereka," katanya kepada *BH*.

Dr Hayati berkata, faktor cuaca juga mempengaruhi penurunan kes penyakit berjangkit, misalnya untuk penyakit HFMD.

"Kajian menunjukkan kadar kes HFMD meningkat secara signifikan dengan pertambahan 10 unit suhu dan kelembapan relatif sesuatu tempat.

"Contohnya, kelembapan relatif (70.3 peratus) mempunyai hubungan yang signifikan dengan penyakit HFMD," katanya.

Mengulas jangkakan KKM mengenai gelombang kedua demam denggi akhir bulan hingga September depan, Dr Hayati berkata, ketika PKP kebanyakan premis ditutup dan hujan lebat me-



**Paling ketara kerana kanak-kanak tidak ke TASKA, maka tidak ada perhubungan sosial antara mereka.**

**Dr Hayati Kadir,**  
Pakar Kesihatan Awam  
(Epidemiologi dan Biostatistik)  
UPM

nyebabkan air bertakung yang menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Katanya, jika premis tidak segera dibersihkan, ia akan menambah tempat pembiakan nyamuk.

"Suhu lebih tinggi juga penyumbang peningkatan kes denggi di samping kelembapan tinggi sangat sesuai untuk nyamuk membiak," katanya.

Ketika PKP, katanya lebih ramai yang berada di rumah pada siang hari berbanding di tempat kerja.

"Nyamuk pula menggigit pada waktu pagi. Populasi nyamuk lebih banyak di kawasan residensi, terutama jika ada takungan air untuk larva nyamuk membiak," katanya.

Justeru, beliau menyarankan premis pejabat, kedai atau kediaman perlu sentiasa dibersihkan bagi mengelak jadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.